



ALI Hamsa menyampaikan sumbangan kepada wakil Hospital Labuan sambil diperhatikan Rohani (dua kiri).



AHLI-ahli Puspanita Labuan bergambar kenangan bersama Rohani selaku Yang Dipertua Puspanita Malaysia.

Galak lebih ramai jadi sukarelawan

► Ketua Setiausaha Negara hadiri program Ziarah Kebajikan Puspanita

LABUAN: Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ali Hamsa telah menghadiri program Ziarah Kebajikan Persatuan Surian Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) Malaysia di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Acara program dimulakan dengan lawatan Dr Ali dan isteri Puan Sri Datuk Rohani Abdullah yang juga Yang Dipertua Puspanita Malaysia ke Pusat Autisme Labuan yang terletak di UMS Labuan.

Kehadiran Ketua Setiausaha Negara dan isteri disambut tarian kebudayaan oleh ahli Kelab Taming Sari UMSKAL yang dibimbing Mas Adi Alimin serta nyanyian koir kanak-kanak autisme yang bertajuk 'Mama'.

Beliau berasa disambut Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik dan Pengerusi Pusat Autisme Labuan Shafry Mohd Sharif. Beliau diberi taklimat mengenai pustak berkenaan

oleh Shafry serta menyampaikan sumbangan kepada kanak-kanak autisme.

Selepas lawatan di pusat berkenaan, Tan Sri Dr Ali bersama isteri kemudiannya menghadiri program Ziarah Kebajikan Puspanita ke Wilayah Persekutuan Labuan di Dewan Utama UMS Labuan.

Kehadiran Ketua Setiausaha Negara dan isteri disambut tarian kebudayaan oleh ahli Kelab Taming Sari UMSKAL yang dibimbing Mas Adi Alimin serta nyanyian koir kanak-kanak autisme yang bertajuk 'Mama'.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan sumbangan keseluruhannya berjumlah RM92,000 yang masing-masing diterima Pusat Autisme Labuan sebanyak RM41,000, Hospital Labuan RM45,000, Pusat Dalam



ALI Hamsa menyampaikan sumbangan kepada Pusat Autisme Labuan yang diterima Shafry sambil diperhatikan tetamu kehormat.

Komuniti Labuan RM3,000, PDK Mutiara RM2,000 dan Puspanita Labuan RM2,000.

Dr Aliturut mengumumkan sumbangan sebuah van dan akan mengkaji mengenai penyediaan bantuan dan latihan khas kepada guru-guru di pusat berkenaan.

Beliau merakamkan ucapan penghargaan kepada UMS kerana menyediakan rumah dan bantuan

sukarelawan dalam kalangan pelajar universiti berkenaan untuk membantu Pusat Autisme Labuan.

"Sayberharap lebih ramai pelajar akan membabitkan diri dalam kegiatan sukarelawan dalam pelbagai bidang. Terima kasih saya ucapkan kepada UMS yang banyak membantu Pusat Autisme Labuan," katanya.



ANAK-anak autisme menyampaikan hadiah kepada Ibu Bapa sempena Hari Ibu sambil disaksikan Ali Hamsa dan Rohani.

■ Saya berharap lebih ramai pelajar akan membabitkan diri dalam kegiatan sukarelawan dalam pelbagai bidang. Terima kasih saya ucapkan kepada UMS yang banyak membantu Pusat Autisme Labuan."

TAN SRI DR ALI HAMSA
Ketua Setiausaha Negara

banyak membantu Pusat Autisme Labuan," katanya.

Turut menerima sumbangan Puspanita ialah tiga pesara kerajaan yang sudah uzur yang masing-masing menerima RM600.

Majlis itu diserikan dengan penyampaian hadiah kanak-kanak autisme kepada ibu bapa masing-masing sempenasambutan Hari Ibu 2017 sambil disaksikan Dr Ali dan isteri.

Dr Ali dan isteri turut menyampaikan cenderamata kepada Dr Mohd Harun dan Shafry sebelum meninggalkan majlis kira-kira jam 12 tengah hari.

Program Ziarah Kebajikan Puspanita itu mendapat kerjasama UMSKAL, Perbadanan Labuan dan Pusat Autisme Labuan.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Othman Haji Mahmood, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM Datuk Seri Ahmad Zaki Ansore Mohd Yusof dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Azhar Ahmad dan Pengerusi Puspanita Cawangan Labuan Nuraini Mohamad Hanafiah.



ALI Hamsa dan Rohani (kanan) mendengar penerangan mengenai Pusat Autisme Labuan daripada Murnizam (kiri) sambil diperhatikan Mohd Harun (tiga kiri).



WAKIL Pusat Dalam Komuniti Labuan menerima sumbangan daripada Ali Hamsa dan Rohani.